

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**

TARIKH : **24 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

NO. SOALAN : **242**

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status perundingan EU-Malaysia FTA. Apakah bab-bab yang terlibat dan bilakah perjanjian ini akan ditandatangani?

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Rundingan FTA antara Malaysia-Kesatuan Eropah (MEUFTA) telah tertangguh sejak 2012. Selepas lapan (8) pusingan rundingan, kedua-dua pihak telah memutuskan pada bulan September 2012 untuk menghentikan rundingan MEUFTA buat sementara waktu, sehingga mendapat mandat untuk membincangkan isu-isu sukar seperti Perolehan Kerajaan (GP), Hak Harta Intelek (IPR), Persaingan (*Competition*) dan Pembangunan Mampan (*Sustainable Development*).

2. Pada awal 2016, dua mesyuarat khas telah diadakan untuk membincangkan kemungkinan menyambung semula rundingan MEUFTA, iaitu pada 19-20 Mei 2016 di Brussels, Belgium dan 18-19 Julai 2016 di Kuala Lumpur. Hasil daripada mesyuarat-mesyuarat tersebut, pihak Malaysia dan EU telah membuat pemerhatian awal bahawa terdapat kemajuan positif dalam kedudukan kedua-dua pihak mengenai isu-isu yang dibincangkan dalam MEUFTA berbanding tahun 2012 apabila rundingan ditangguhkan. Pemerhatian tersebut dilihat sebagai pembuka jalan ke arah kemungkinan menyambung semula rundingan MEUFTA.

3. Susulan itu, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk membuat penilaian serta mendapatkan mandat masing-masing mengenai arah tuju rundingan MEUFTA, sebelum memberi kata putus pada penghujung 2016 samaada rundingan MEUFTA akan disambung semula.

4. Bab-bab yang kini dirundingkan di bawah MEUFTA adalah:

- i) Akses Pasaran bagi Sektor Barangan
- ii) Perkhidmatan
- iii) Pelaburan
- iv) Peraturan dan Prosedur Tempasal
- v) Pentadbiran Kastam dan Fasilitasi Perdagangan
- vi) Remedi Perdagangan
- vii) Sanitari dan Fitosanitari (SPS)
- viii) Halangan Teknikal kepada Perdagangan (TBT)
- ix) Perolehan Kerajaan (GP)
- x) Hak Harta Intelek (IPR)
- xi) Persaingan
- xii) Pembangunan Mampan (Buruh dan Alam Sekitar)
- xiii) Ketelusan (*Transparency*)

- xiv) Isu-isu Perundangan termasuk Penyelesaian Pertikaian
- xv) Isu-isu Institusi
- xvi) Lampiran-lampiran Sektoral bagi bidang-bidang berikut:
 - Teknologi hijau
 - Automotif
 - Elektrikal dan elektronik
 - Farmaseutikal